

14/08/2003

Konsep globalisasi Barat boleh cetus perang dunia: Dr Mahathir

Mahfar Ali

EZULWINI (Swaziland): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran konsep globalisasi yang ditafsirkan Barat sekarang boleh mencetuskan perang dunia membabitkan etnik kaya negara minoriti dan etnik miskin negara majoriti berikutan ketidaksamaan dalam pembahagian kekayaan.

Perdana Menteri berkata, revolusi dan pertumpahan darah selalunya tercetus akibat ketidaksamaan, tetapi kali ini ia tidak akan berlaku antara komuniti atau dalam lingkungan sesebuah negara, sebaliknya berskala dunia.

"Perang dunia yang akan datang tidak akan lagi berlaku antara negara. Ia akan berlaku antara kelas, etnik kaya negara minoriti menentang etnik miskin negara majoriti," katanya pada Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 yang bermula di sini, semalam.

Dalam ucaptamanya bertema "Bersama Mencipta Takdir Kita: Cara Perkongsian Pintar", Dr Mahathir berkata, globalisasi yang dirumus Barat akan mengakibatkan ketidakadilan terus berlaku dengan yang kaya tidak saja bertambah kaya, tetapi turut dipisahkan daripada yang miskin.

"Lama kelamaan yang miskin akan bertindak balas. Keganasan hari ini adalah sebahagian pernyataan ketidaksamaan dalam pembahagian kekayaan," katanya, yang mengetuai delegasi Malaysia ke dialog perkongsian pintar itu.

Lebih 600 perwakilan termasuk ketua negara, pegawai kerajaan dan ahli perniagaan dari lebih 16 negara menyertai dialog lima hari itu, yang diadakan di kawasan peranginan lembah syurga, terletak kira-kira 14 kilometer dari Mbabane, ibu negara Swaziland.

Raja Swaziland, Raja Mswati III merasmikan dialog itu yang turut dihadiri Presiden Namibia, Dr Sam Nujumo, Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe dan Timbalan Presiden Afrika Selatan, Jacob Zuma. Negara lain termasuk Sudan, Burundi, Ghana, Uganda, Nigeria, Malta, Mozambique, China, Thailand dan West Indies.

Delegasi Malaysia juga disertai isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid dan 27 wakil syarikat swasta termasuk Pengerusi TNB, Datuk Awang Adek Hussin dan Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Berhad, Datuk Md Khir Abdul Rahman.

Dr Mahathir turut mempersoalkan sikap pilih kasih negara Barat dalam memaksa dunia membuka pasaran, sedangkan negara kaya masih mengenakan pelbagai sekatan dan syarat terhadap negara membangun, termasuk untuk mendapatkan bantuan.

Beliau berkata, pasaran global yang didakwa dapat memperkayakan negara miskin, sebaliknya terus melebarkan jurang antara negara maju dan mundur kerana ketamakan kapitalis Barat yang disokong kerajaan masing-masing.

"Mereka kata mereka akan membuka pasaran mereka kepada kita, tetapi pelbagai alasan dicari untuk menutup pasaran mereka," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh ikan keli dari Vietnam juga boleh dianggap satu ancaman hingga disekat memasuki pasaran Amerika. Kisah ikan keli itu diceritakan Dr Mahathir berdasarkan laporan The International Herald Tribune pada 23 Julai lalu.

Mengikut laporan itu, Vietnam menguasai 20 peratus pasaran daging beku keli di Amerika menyebabkan harganya menurun. Berikutan itu, penternak ikan keli Amerika mengisytiharkan perang dan menjalankan kempen memburuk-burukkan keli Vietnam bagi menyekat kemasukannya.

Dr Mahathir berkata, hampir setengah juta rakyat Vietnam kehilangan perniagaan berikutan tindakan itu, malah Amerika juga melakukan kempen seumpama itu bagi memburukkan minyak sawit dan sarung tangan getah keluaran Malaysia.

"Inilah globalisasi yang dirumus etnik kaya negara Eropah. Tidak ada keadilan, tidak ada peluang yang sama untuk semua dan tidak ada sikap pemurah, sebaliknya yang berkuasa saja betul seperti amalan tamadun di zaman batu," katanya.

Beliau berkata, penduduk miskin yang menanggung pelbagai penyakit dan mati seperti lalat, juga tidak dipedulikan, sedangkan kapitalis Barat membuat keuntungan dengan mengeksploit ekonomi seluruh dunia.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengajak negara membangun bersama-sama menyatukan kekuatan dan mengembangkan ke seluruh dunia falsafah memakmurkan negara jiran menerusi formula menang-menang dan perkongsian pintar yang dirintisnya sejak Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1995 sebelum diperluaskan ke benua Afrika menerusi Said dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Perdana Menteri berkata, idea perkongsian pintar mesti ditegakkan, bermula di kalangan negara membangun bagi mencari sedikit pengaruh dalam menentukan regim ekonomi dunia dan selepas itu mengadakannya pula dengan negara kaya, yang sebilangan kecilnya masih bersikap pemurah.

Dr Mahathir menegaskan sikap pemurah juga mesti dikembalikan dalam pengurusan harian serta di peringkat nasional dan antarabangsa.

Beliau berkata, peradaban dunia yang agung hanya boleh kekal apabila sikap pemurah menjadi ciri masyarakatnya.

"Kita boleh lakukannya jika kita yakin dan bersedia berkorban dalam memakmurkan jiran kita menerusi idea perkongsian pintar dan formula menang-menang," katanya.